

UNDANG-UNDANG KEBAJIKAN HAIWAN DI MALAYSIA: PERLINDUNGAN TERHADAP HAIWAN JALANAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Arif Fahmi Md Yusof¹, Izawati Wook², Mashitah Abdul Mutalib³ & Nur Aina Abdulah⁴

¹ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, fahmi@usim.edu.my

² Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, izawati@usim.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, mashitahmutalib@usim.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, nuraina.abdullah@usim.edu.my

Abstrak

Isu kebajikan haiwan jalanan di Malaysia, khususnya melibatkan kucing dan anjing terbiar, menuntut pendekatan yang lebih komprehensif dan berlandaskan nilai-nilai Islam. Kajian ini mengenalpasti elemen-elemen perspektif Islam yang berkaitan dengan undang-undang kebajikan haiwan di Malaysia, khususnya Akta Kebajikan Haiwan 2015, dalam memperkukuh perlindungan terhadap haiwan jalanan. Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal melalui analisis kandungan bagi mengenal pasti elemen-elemen utama Maqasid Shariah dan Qawaid Fiqhiyyah yang relevan untuk diaplikasikan kepada undang-undang kebajikan haiwan di Malaysia. Berasaskan prinsip maqasid al-shariah dan qawa'id fiqhiyyah, Islam menekankan elemen ihsan, rahmah, dan masalah dalam memastikan kesejahteraan semua makhluk. Prinsip-prinsip Qawaid Fiqhiyyah perlu diaplikasikan bagi mengurangkan kezaliman terhadap haiwan jalanan dan memelihara kesejahteraan masyarakat. Melalui integrasi prinsip-prinsip Qawaid Fiqhiyyah ke dalam perundangan kebajikan haiwan, kertas kerja ini mencadangkan penambahbaikan kepada perlindungan haiwan jalanan yang mampu memperkukuh tanggungjawab sosial serta membentuk masyarakat yang lebih beretika, prihatin, selaras dengan nilai kemanusiaan dalam Islam.

Kata Kunci: *Kebajikan Haiwan, Qawa'id Fiqhiyyah, Haiwan Jalanan, Undang-Undang.*

PENDAHULUAN

Kebajikan haiwan jalanan di Malaysia, khususnya kucing dan anjing terbiar, semakin menjadi isu sosial yang menuntut perhatian serius. Dalam Islam, konsep kebajikan haiwan telah diberikan kedudukan penting, dengan prinsip-prinsip Islam yang mendasari sikap ihsan dan rahmah terhadap semua makhluk. Di Malaysia, undang-undang berkaitan kebajikan haiwan seperti Akta Kebajikan Haiwan 2015 telah diperkenalkan untuk menangani isu-isu berkaitan penderaan dan pengabaian haiwan. Walau bagaimanapun, perlindungan terhadap haiwan jalanan memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif dan berteraskan nilai-nilai Islam untuk mengimbangi antara

keperluan masyarakat moden dan tuntutan syariah. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana prinsip-prinsip Islam boleh diaplikasikan dengan undang-undang sedia ada bagi memperkukuh perlindungan haiwan jalanan.

Haiwan jalanan di Malaysia, seperti kucing dan anjing terbiar, sering kali berhadapan dengan penderitaan akibat kekurangan makanan, penyakit, dan pengabaian (Munir et al., 2023). Isu kebajikan haiwan ini memerlukan perhatian yang lebih holistik kerana ia bukan sahaja melibatkan aspek kesejahteraan haiwan tetapi juga berkait rapat dengan tanggungjawab sosial manusia sebagai khalifah di bumi. Dalam Islam, kebajikan haiwan diangkat melalui prinsip maqasid al-shariah, yang menekankan pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), masalah, dan ihsan.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 merupakan undang-undang utama di Malaysia yang bertujuan melindungi haiwan daripada penderaan dan pengabaian (Akta 772). Walau bagaimanapun, perlindungan terhadap haiwan jalanan masih terhad, memerlukan integrasi nilai-nilai Islam untuk memperkukuh dasar sedia ada. Kajian ini bertujuan meneliti bagaimana prinsip-prinsip qawa'id fiqhiyyah dan maqasid syariah dapat diaplikasikan dengan Akta Kebajikan Haiwan 2015 untuk memastikan kesejahteraan haiwan jalanan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal melalui analisis kandungan terhadap sumber primer dan sekunder. Data dianalisis untuk mengenal pasti elemen-elemen utama Maqasid Syariah dan Qawaid Fiqhiyyah yang relevan untuk diaplikasikan kepada undang-undang kebajikan haiwan di Malaysia.

Proses kajian ini melibatkan tiga langkah utama: (1) mengenal pasti prinsip-prinsip qawa'id fiqhiyyah yang relevan; (2) menganalisis kesesuaian prinsip maqasid al-shariah dengan dasar kebajikan haiwan; dan (3) mencadangkan langkah-langkah praktikal untuk mengharmonikan nilai Islam dengan undang-undang sedia ada bagi meningkatkan perlindungan terhadap haiwan jalanan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Haiwan Jalanan

Haiwan jalanan ditakrifkan sebagai haiwan domestik seperti anjing dan kucing yang ditemui di tempat awam atau tempat persendirian tanpa mempunyai Tuan atau pemunya haiwan. Haiwan ini telah ditinggalkan oleh tuan atau pemunya haiwan dan tidak berada di bawah kawalan manusia (Dodurka, 2009).

Bilangan haiwan jalanan di Malaysia yang semakin bertambah mendatangkan masalah-masalah kesihatan dan keselamatan, persekitaran dan kebajikan haiwan. Sebagai contoh, anjing liar terdedah kepada penyakit *rabies* yang boleh mengancam keselamatan dan kesihatan awam (Koh, 2016).

Masalah haiwan jalanan adalah berpunca dari sikap pemilik haiwan yang tidak bertanggungjawab. Haiwan-haiwan jalanan ini adalah asalnya haiwan-haiwan kesayangan. Walau bagaimanapun, apabila pemilik haiwan mengalami masalah untuk menguruskan haiwan kesayangan, akhirnya haiwan-haiwan ini dibiarkan, ditinggalkan atau dibuang ke tempat yang lain (Munir et al., 2023).

Haiwan-haiwan yang dibiarkan, dibuang dan ditinggalkan ini seterusnya akan berkembang biak dan menjadi haiwan jalanan yang membawa masalah kepada persekitaran. Haiwan ini juga terabai dari aspek kebajikan seperti kelaparan dan terdedah kepada penyakit. Penyakit-penyakit bawaan haiwan ini seterusnya akan memberi kesan kepada keselamatan dan kesihatan awam (Benacer, 2017).

Maqasid al-Shariah dan Kebajikan Haiwan Jalanan

Maqasid al-Shariah atau objektif syariah menekankan kepentingan menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan kemaslahatan umum. Dalam konteks haiwan jalanan, maqasid ini menyeru kepada tindakan yang mencegah penderitaan, menyediakan perlindungan, dan menyumbang kepada kesejahteraan umum. (Buba, 2014). Penjagaan nyawa haiwan, khususnya haiwan jalanan, menjadi selaras dengan maqasid apabila ia berperanan menyeimbangkan ekosistem dan menghindarkan risiko kesihatan awam (Min & Zaw, 2016).

Qawa'id Fiqhiyyah dan Aplikasi terhadap Kebajikan Haiwan Jalanan

1. Kaedah “La Darar wa La Dirar” (Tidak Boleh Memudaratkan Diri Sendiri atau Orang Lain): Kaedah ini melarang kemudaratkan dalam sebarang bentuk, sama ada terhadap manusia atau haiwan. Ia menuntut agar sebarang bentuk penderaan atau pengabaian terhadap haiwan jalanan dihentikan (Sira, 2017). Akta Kebajikan Haiwan 2015 melarang penderaan haiwan secara umum, namun prinsip ini boleh memperkukuh undang-undang tersebut dengan memastikan bahawa haiwan jalanan juga dilindungi dari sebarang penderitaan.
2. Kaedah “Al-Mashaqqah Tajlib al-Taysir” (Kesukaran Mengundang Kemudahan): Prinsip ini bermaksud kesukaran atau penderitaan yang dihadapi oleh makhluk harus diringankan. Dalam konteks haiwan jalanan yang sering kali menghadapi kesukaran seperti kekurangan makanan dan tempat berteduh, manusia sebagai khalifah bertanggungjawab meringankan keadaan mereka melalui usaha kebajikan yang teratur (Salam, 2018).
3. Kaedah “Al-Adah Muhakkamah” (Adat Dijadikan Asas Hukum): Kaedah ini membenarkan amalan dan adat setempat yang baik dijadikan panduan dalam membentuk kebajikan. Dalam masyarakat Malaysia, terdapat adat komuniti untuk memberi makan kepada haiwan jalanan, khususnya kucing dan anjing. Amalan ini boleh dikembangkan melalui dasar dan program kesedaran yang menjadikan sikap ihsan dan kasih sayang terhadap haiwan sebagai tanggungjawab bersama.

Cadangan Penambahbaikan

1. Pembangunan Program Kesedaran Umum Berlandaskan Ihsan dan Rahmah

Kempen kesedaran awam yang menekankan nilai ihsan dan rahmah boleh dilaksanakan di sekolah, masjid, dan komuniti untuk menggalakkan budaya belas kasihan terhadap haiwan jalanan. Program kesedaran ini dapat membantu masyarakat memahami bahawa kebajikan haiwan adalah sebahagian daripada amalan keagamaan dan tanggungjawab sosial.

2. Kerjasama antara Institusi Fatwa, Kerajaan, dan NGO

Institusi fatwa boleh mengeluarkan panduan atau fatwa yang menekankan pentingnya ihsan dalam menjaga haiwan jalanan. Ini boleh disokong oleh kerajaan dan NGO yang menyediakan sumber dan sokongan untuk perlindungan haiwan jalanan.

3. Pengukuhan Dasar dan Undang-Undang dalam Melindungi Haiwan Jalanan

Dasar kebajikan haiwan di Malaysia boleh diperkukuh dengan peruntukan yang lebih jelas bagi haiwan jalanan, termasuk penalti terhadap pelaku penderaan, peraturan bagi pemandulan dan vaksinasi, serta penyediaan perlindungan bagi haiwan terbiar.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi prinsip Usul Fiqh dengan undang-undang kebajikan haiwan di Malaysia dapat menghasilkan model perlindungan haiwan jalanan yang lebih komprehensif dan beretika. Integrasi maqasid al-shariah, qawa'id fiqhiyyah, dan nilai ihsan ke dalam dasar perlindungan haiwan bukan sahaja dapat memperkukuh tanggungjawab sosial tetapi juga memupuk budaya prihatin dan belas kasihan terhadap haiwan dalam masyarakat. Langkah-langkah seperti program kawalan populasi, penubuhan pusat perlindungan, dan kempen kesedaran awam yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan kebajikan haiwan jalanan terus terpelihara. Usaha ini sejajar dengan visi Islam yang mengutamakan kesejahteraan semua makhluk dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di bumi.

PENGHARGAAN

Para penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia atas dana penyelidikan (PPPI/KHAS/ISI-FSU/USIM-17422).

RUJUKAN

Douadi, Benacer., Kwai, Lin, Thong., Peck, Toung, Ooi., Marc, Souris., John, W., Lewis., Ahmed, Ahmed., S.N., Mohd, Zain. (2017). 3. Serological and molecular identification of *Leptospira* spp. in swine and stray dogs from Malaysia.. *Tropical Biomedicine*,
Fui, Xian, Koh., Chandrawathani, Panchadcharam., Sun, Tee, Tay. (2016). 4. Vector-Borne Diseases in Stray Dogs in Peninsular Malaysia and Molecular Detection of *Anaplasma* and *Ehrlichia* spp. from *Rhipicephalus sanguineus* (Acari: Ixodidae) Ticks. *Journal of Medical Entomology*, doi: 10.1093/JME/TJV153

- Khairunnasriah Abdul Salam. 2018. Culling of Stray Dogs as a Mean to Eliminate Rabies Transmission: An Analysis from Malaysian and Islamic Law Perspective with Special Reference to Hifz Al-Nafs (Protection of Life). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 19(1): 17-32
- Myat, Min, Myat, Min., Cho, Cho, Zaw. (2016). 2. Animal care: an Islamic perspective with particular reference to unwanted pets- stray dogs and cats.
- Sira, Abdul, Rahman. (2017). 2. Religion and Animal Welfare-An Islamic Perspective.. *Animal*, doi: 10.3390/ANI7020011
- Syafiq, Munir, Ismail, Munir., Mohd, Istajib, Mokhtar., Ahmad, Firdhaus, Arham. (2023). 1. Public perspectives on strays and companion animal management in Malaysia. *BMC Public Health*, doi: 10.1186/s12889-023-16276-5
- T., M., Buba. (2014). 3. Role of maqasid al-sharia'h as a social welfare concept in the interpretation of the sources of sharia'h.